

# DERMOPLEX BURN-AID CREAM

Acriflavine 0.1% (w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dermoplex Burn-Aid Cream
2. Bagaimana Dermoplex Burn-Aid Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream
4. Cara menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream
5. Semasa menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Burn-Aid Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dermoplex Burn-Aid Cream

Untuk merawat lecur bakar, luka ringan, gigitan serangga, kepedihan, ruam, dan lelasan.

## Bagaimana Dermoplex Burn-Aid Cream berfungsi

Dermoplex Burn-Aid Cream mengandungi acriflavine, sejenis antiseptik yang menghalang jangkitan dan membantu dalam penyembuhan.

## Sebelum menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- *Acriflavine*
- mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan

atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda kerosakkan. Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, bincang dengan doktor anda.

### : Sebelum mula menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna

### : Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Berbincanglah dengan ahli farmasi atau doktor anda sebelum mengambil produk ini dengan ubat-ubatan lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk berhati-hati dengan atau dielakkan semasa menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream.

## Cara menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### : Berapa banyak harus digunakan

Sapukan krim ke atas kapas bersih atau kain dan ratakan di kawasan yang dijangkiti. Kemaskan dengan menggunakan kain pembalut luka atau plaster.

Jika tanda-tanda tidak hilang, anda perlu berjumpa dengan doktor anda

### : Bila perlu digunakan

Guna Dermoplex Burn-Aid Cream seperti yang diarahkan.

### : Berapa lama perlu digunakan

Terus gunakan ubat anda selama yang doktor anda memberitahu anda.

### : Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat, anda boleh menggunakannya sebaik sahaja anda ingat.

### : Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Apabila digunakan seperti yang disyorkan, kesan penggunaan secara berlebihan dengan Dermoplex Burn-Aid Cream jarang berlaku

## Semasa menggunakan Dermoplex Burn-Aid Cream

### : Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan berhati-hati.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.

### : Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Dermoplex Burn-Aid Cream untuk merawat sebarang penyakit lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.

Jangan berikan ubat anda kepada

# DERMOPLEX BURN-AID CREAM

Acriflavine 0.1% (w/w)

---

orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Untuk kegunaan luaran sahaja
- Elakkan daripada terkena mata

Kesan-kesan sampingan

Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan jika anda mengalami beberapa kesan sampingan.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan. Anda mungkin tidak mengalami apa-apa daripada kesan-kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda ada.

Kesan sampingan yang lain tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku kepada sesetengah orang.

**Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]**

**Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Burn-Aid Cream**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya secara ketat.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Dermoplex Burn-Aid Cream atau ubat lain dalam bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dermoplex Burn-Aid Cream atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna kuning.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- i. Acriflavine

Bahan-bahan tidak aktif

- i. Emulsifying Wax
- ii. White Soft Paraffin
- iii. Liquid paraffin
- iv. Menthol
- v. Benzalkonium chloride
- vi. Purified Water

**Pengilang**

Jardin Manufacturing Sdn. Bhd. Lot 1, 2, 3 & 4, Kawasan Industri Batu 7, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.

- Nombor MAL:

MAL19912644XCZ

**Pengilang**

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.

Lot No. 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

- Nombor MAL:

MALXXXXXXX

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.

Lot No. 2,4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

13/05/2026

**Nombor Siri**

NPRA(R2/2)251007/01556